

# Ganjaran RM20,000 jika pecah rekod kebangsaan temasya SUKIPT

Oleh Syafiq Aznan - Jun 17, 2022 @ 7:03pm

[syafiq.aznan@bh.com.my](mailto:syafiq.aznan@bh.com.my)



Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (empat dari kanan) ketika melancarkan SUKIPT di UPSI, Tanjung Malim, Perak, hari ini. - Foto ihsan KPT

TANJUNG MALIM: Atlet yang bertanding dalam Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) menerima suntikan motivasi terbaik apabila bakal menerima RM20,000 jika berjaya memecahkan rekod kebangsaan pada temasya kali ini.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata penganjuran SUKIPT kali ini mensasarkan untuk memecahkan rekod kebangsaan yang pertama daripada temasya berkenaan.

Namun, katanya, hadiah itu akan dikongsi jika terdapat lebih daripada seorang berjaya melakukannya.

"Insentif ini kita perkenalkan kerana sejak SUKIPT diadakan, masih belum ada seorang pun atlet yang mampu memecahkan rekod kebangsaan dalam apa-apa acara sukan yang dipertandingkan .

"Oleh itu, saya cabar kontinjen-kontinjen dan atlet semua untuk pameran prestasi yang terbaik dan sekali gus merebut peluang keemasan ini," katanya ketika melancarkan SUKIPT 2022 di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di sini, hari ini.

Hadir sama Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Ahmad Masrizal Muhammad dan Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar.

Noraini turut mengumumkan SUKIPT edisi kelima kembali selepas menyepi, dua tahun dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) akan menjadi venue pertandingan bermula 12 hingga 21 Ogos ini.

Katanya, ini penjadualan semula buat kali ketiga temasya sukan terbesar IPT akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara dan dunia pada Mac 2020.

"Lebih 6,000 atlet daripada 70 kontinjen IPT sudah mengesahkan penyertaan membabitkan IPT awam, swasta, politeknik dan kolej komuniti bagi merebut 210 pingat emas daripada 21 acara yang dipertandingkan," katanya.

Noraini berkata SUKIPT 2022 juga akan menjadi salah satu medan untuk atlet IPT mengembalikan prestasi terbaik mereka selepas 2 tahun tidak terbabit dengan kejohanan kompetitif bertaraf kebangsaan.

"Ia juga seterusnya akan menjadi persediaan awal untuk menghadapi kejohanan-kejohanan besar di peringkat antarabangsa pada tahun 2023 nanti," katanya.